

PM mahu nilai baru hak asasi

Oleh
**ZULKIFLEE BAKAR dan
P. BALA KUMAR**

KUALA LUMPUR 6 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu supaya dirangka satu set nilai baru terutama sekali tentang hak asasi manusia bagi menyelesaikan beberapa masalah dunia hari ini dengan menggabungkan buah fikiran semua kelompok termasuk Asia dan Eropah.

Perdana Menteri menegaskan tiada mana-mana negara atau tamadun di dunia yang boleh mendakwa mempunyai kebijaksanaan mutlak untuk menentukan hak asasi manusia.

Katanya, berdasarkan rekod dan prestasi kebebasan Barat, mereka nyata tidak mempunyai kepupayaan untuk memberi tafsiran dan 'berkhutbah' mengenainya.

"Semua pihak termasuk kelompok Asia harus diberi peluang untuk memberi cadangan dan menyumbang ke arah merangka nilai-nilai baru yang boleh menyelesaikan beberapa masalah yang kita hadapi hari ini," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Antarabangsa Pemikiran Semula Hak Asasi Manu-

sia anjuran Just World Trust, di sini, hari ini.

Persidangan yang julung-julung kali diadakan itu dihadiri oleh kira-kira 350 peserta dari 60 buah negara dunia.

Perdana Menteri menegaskan, rekod kerajaan demokrasi Barat jelas tidak menggalakkan. Ini kerana negara-negara Barat hanya akan bertindak untuk menegakkan demokrasi jika kepentingan mereka terjejas.

[Lagi laporan di muka 13]

"Jika rekod demokrasi negara Barat buruk sudah tentu amalan hak asasi manusia mereka lebih buruk lagi," katanya.

Negara Barat, kata Perdana Menteri, membuat tafsiran bahawa hak asasi manusia ialah memberi kebebasan kepada setiap individu untuk membuat apa sahaja yang disukainya, tanpa sekatan atau halangan daripada kerajaan.

"Tidak menjadi soal sama ada sesebuah kerajaan itu dipilih secara demokrasi melalui majoriti pilihan rakyat. Kerajaan, menurut penjunjung demokrasi liberal (Barat), tidak boleh dengan apa cara pun bertindak terhadap kehendak seseorang individu dalam masyarakat," katanya.

Bagaimanapun, menurut beliau, seseorang akan melakukan apa sahaja untuk melanggar peraturan, norma dan nilai dalam masyarakat berkenaan apabila diberi kebebasan.

"Bermula dengan perkara yang asas seperti etika pakaian, mereka kemudiannya mencemarkan institusi perkahwinan. Hubungan seks di luar perkahwinan menjadi norma masyarakat," katanya.

Dalam ucapan itu, Perdana Menteri mempersoalkan apakah negara-negara membangun harus mengamalkan demokrasi cara Barat sehingga menjejaskan pembangunan dan kebebasan yang berterusan.

"Tetapi mereka (Barat) sentiasa memberi tekanan ekonomi termasuk penarikan balik bantuan dan pinjaman, melalui kritikan dan laporan yang mengelirukan dari media Barat serta kempen oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Barat, yang kadangkala memberi bantuan kewangan kepada kumpulan pendesak di dalam sesebuah negara untuk menghalang kerajaan yang dianggap oleh mereka tidak demokratik," katanya.